

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**SIRI BICARA MINDA DAN MAJLIS
PERTUKARAN DOKUMEN MEMORANDUM
PERSEFAHAMAN ANTARA ANGKASA DAN
IPT TERPILIH**

**26 FEBRUARI 2026 (KHAMIS)
12:00 TENGAH HARI
DEWAN DATO' MOHD ALI BAHAROM
ANGKASA**

SALUTASI

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana diberi peluang untuk bersama-sama berkumpul dalam dua majlis pada hari ini iaitu Siri Bicara Minda dan Majlis Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman

(MoU) antara ANGKASA dan Institusi Pengajian Tinggi terpilih.

2. Dalam kesempatan ini saya mengalu-alukan kehadiran jemputan-jemputan khususnya rakan-rakan strategik daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan wakil Kementerian Ekonomi, Dr. Nassar Nordin, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Industri Perkhidmatan, ke majlis ini. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana sudi memenuhi undangan pada hari ini.

Hadirin Yang Dihormati

3. Kita baharu sahaja selesai mendengar pembentangan mengenai Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) yang bertajuk “**RMK13: Pemangkin Transformasi Koperasi Nasional**” yang telah disampaikan oleh Dr. Nassar Nordin.

4. Saya bagi pihak ANGKASA merakamkan ucapan terima kasih atas perkongsian bermanfaat sebentar tadi. Banyak input-

input berkaitan peluang-peluang ekonomi dan peruntukan-peruntukan dana yang boleh dimanfaatkan oleh ANGKASA dan gerakan koperasi.

5. Sebagai rakan strategik pembangunan negara, gerakan koperasi yang dipayungi oleh ANGKASA memainkan peranan signifikan dalam memperkasa ekonomi rakyat. RMK13 menjadi platform strategik untuk mentransformasikan koperasi sebagai pemacu pertumbuhan baharu (*new growth driver*).

6. Saya mengharapkan setiap kumpulan yang terlibat mengambil tindakan susulan untuk mendapatkan peruntukan daripada agensi-agensi lain selain Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), yang sesuai dengan cadangan projek selari dengan dasar yang telah ditetapkan RMK13.

Hadirin Yang Dihormati

7. Pada hari ini juga kita bakal menyaksikan pertukaran dokumen kerjasama strategik ANGKASA dengan beberapa institut pengajian tinggi terpilih. Kolaborasi strategik ini merupakan salah satu usaha dan pemacu penting kepada pembangunan mampan dan daya saing nasional.
8. Seiring dengan aspirasi Kerajaan Malaysia untuk memperkukuh ekosistem ekonomi rakyat dan memperkasa agenda Malaysia MADANI, kerjasama antara ANGKASA dan IPT terpilih dilihat sebagai platform sinergi yang berimpak tinggi dan berorientasikan masa hadapan.
9. Sebagai badan puncak gerakan koperasi negara, ANGKASA berperanan memperkasa lebih 16,342 koperasi melalui pengukuhan tadbir urus, pembangunan kapasiti, inovasi perniagaan dan jaringan strategik. Dalam konteks ini, IPT berfungsi sebagai pusat kecemerlangan ilmu, penyelidikan, inovasi dan pembangunan modal insan yang mampu menyokong

transformasi koperasi ke arah entiti yang lebih progresif, berteknologi dan berdaya saing global.

10. Melalui pendekatan kolaboratif ini, ANGKASA dan IPT yang terpilih menyatakan komitmen untuk membangunkan ekosistem koperasi berasaskan ilmu (*knowledge-driven cooperative ecosystem*) yang mampu menjana nilai ekonomi, sosial dan komuniti secara menyeluruh. Kerjasama ini bukan sahaja memperkukuh kapasiti organisasi, malah menyumbang kepada pembentukan generasi pemimpin koperasi yang kompeten, berintegriti dan berwawasan.

11. Dengan kesepaduan kepakaran akademik dan pengalaman industri, kerjasama strategik ini diyakini akan menjadi katalis penting dalam mempercepat transformasi koperasi sebagai sektor ekonomi rakyat yang inklusif, berdaya tahan dan mampan

selaras dengan agenda pembangunan negara.

12. Akhir kata, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas kerjasama ini. Saya mengharapkan MoU yang ditandatangani ini bukan sekadar atas kertas tetapi perlu ada tindakan susulan dengan program-program atau projek-projek pembangunan koperasi berimpak tinggi untuk dijayakan.

13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan Siri Bicara Minda Dan Majlis Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman Antara ANGKASA dan Ipt Terpilih.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.